

PALESTIN - LEMAH R R R
(I)

1983

KUALA LUMPUR, 3 MEI (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA ADA BEBERAPA PIHAK TELAH CUBA UNTUK MELEMAHKAN USAHA-USAHA MALAYSIA MENGADAKAN PERSIDANGAN ASIA MENGENAI PALESTIN ANJURAN BANGSA-BANGSA BERSATU YANG DIRASMIKAN DI SINI HARI INI.

PIHAK-PIHAK INI, TAMBAH PERDANA MENTERI ITU, TELAH MEMUJUK NEGARA-NEGARA LAIN SUPAYA JANGAN MENYERTAI PERSIDANGAN LIMA HARI INI.

+PERBUATAN DEMIKIAN HANYA MENGHALANG MEREKA YANG MEMPERSOALKAN KEIKHLASAN DAN SIKAP KEADILAN. ISRAEL KINI AKAN MENJADI LEBIH DEGIL,+ BELIAU BERKATA.

PERDANA MENTERI YANG BERKATA DEMEKIAN DI PEMBUKAAN PERSIDANGAN TERSEBUT HARI INI MEMBERITAHU 300 ORANG PARA PERWAKILAN DAN PEMERHATI BAHAWA PERCUBAAN OLEH PIHAK-PIHAK TERSEBUT UNTUK MELEMAHKAN USAHA-USAHA MALAYSIA UNTUK MEMPERJUANGKAN KEADILAN MENGENAI MASALAH PALESTIN SUNGGUH MENGECEWAKAN.

--LAGI. 1410/WS

ZCZC 8549

PALESTIN - LEMAH 2 KUALA LUMPUR

+SEKIRANYA MEREKA MEMENTINGKAN KEADILAN DAN KEAMANAN DI ASIA BARAT, MEREKA SEHARUSNYA MENGHARGAI USAHA KAMI UNTUK MENCAPAI MATLAMAT YANG SAMA,+ TEGASNYA.

PERDANA MENTERI ITU BERKATA ISU-ISU ASAS DALAM MASALAH PALESTIN IALAH SELURUH RAKYATNYA TELAH DIUSIR KELUAR DARI TANAH AIR MEREKA SENDIRI, DIHINA DAN SENTIASA DIGANGGU.

DALAM ASPEK INI TINDAKAN MASYARAKAT ANTARABANGSA TIDAK BERKESAN SEJAK LEBIH TIGA DEKAD YANG LALU, TEGAS BELIAU.

BELIAU BERKATA BAHAWA KETIDAKADILAN DAN PENGHINAAN YANG BERLAKU KE ATAS RAKYAT PALESTIN TELAH BEBERAPA KALI DISUARAKAN DI BANGSA-BANGSA BERSATU DAN BERATUS-BERATUS RUMUSAN TELAH DILULUSKAN.

+KEKEJAMAN KEATAS RAKYAT PALESTIN BERLAKU SEWENANG-WENANGNYA,+ BELIAU BERKATA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MEMBERITAHU PARA PERWAKILAN BAHAWA MASALAH MEREKA DALAM BEBERAPA HARI YANG AKAN DATANG INI IALAH SAMADA PERSIDANGAN ITU AKAN MENJADI SATU PENTAS MERUMUS RESOLUSI-RESOLUSI YANG KOSONG ATAU SEBAGAI SATU FORUM YANG AKAN MENGHASILKAN CADANGAN-CADANGAN YANG BERNAS. --LAGI 1410/MD

ZCZC 8550

PALESTIN-LEMAH 3 KUALA LUMPUR

BELIAU BERKATA BAHAWA MEREKA BERTINDAK BUKAN SEMATA-MATA UNTUK MELULUSKAN RESOLUSI KERANA KINI TERDAPAT LEBIH 300 RESOLUSI MENGENAI MASALAH PALESTIN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA WALAUPUN HAK-HAK PALESTIN UNTUK MENENTUKAN MASA DEPAN SENDIRI, TERMASUK MENUBUHKAN SEBUAH NEGARA YANG BEBAS DI BUMI PALESTIN TELAH DITERIMA OLEH KEBANYAKAN ANGGOTA BANGSA-BANGSA BERSATU, NAMUN RAKYAT PALESTIN MASIH BELUM MENIKMATI HAK-HAK MEREKA, WALAUPUN BEBERAPA DEKAD TELAH BERLALU.

+JELAS SEKALI KITA TIDAK BERTINDAK DENGAN CUKUP GIGIH DAN IKHLAS,+ TEGAS BELIAU.

BELIAU BERHARAP PERSIDANGAN ITU AKAN DAPAT MELAHIRKAN BEBERAPA IDEA BAGAIMANA RANCANGAN-RANCANGAN PERDAMAIAN DAN INISIATIF-INISIATIF YANG SUDAH ADA DAPAT MEMBOLEHKAN RAKYAT PALESTIN KEMBALI SEMULA DAN MENDAPATKAN HAK DAN HARTA BENDA DI TANAH AIR MEREKA YANG BERSEKUTU. --BERNAMA 1415/MD